

→ MUKA DUA

[FOTO ZULFADHLI ZULKIELI/BH]



Najib menyampaikan sijil penghargaan kepada Tokoh Maal Hijrah 1439 Peringkat Kebangsaan kepada bekas Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai sambil disaksikan Jamil Khir, Asyraf Wajdi dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada sambutan Maal Hijrah 1439 Peringkat Kebangsaan di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, semalam.



la (isu keselamatan pusat tahfiz) seperti bom jangka, tidak boleh dipandang ringan. Ini nyawa anak-anak, bukan soal kuasa kerajaan negeri atau Persekutuan sahaja”

Najib Razak, Perdana Menteri

PERATURAN KESELAMATAN PUSAT TAHFIZ

Kabinet arah bomba buat pemeriksaan

➔ Perdana Menteri mahu semua pusat tahfiz patuhi piawai ditetapkan

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Azrone Sarabatin
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Pusat tahfiz yang gagal mematuhi peraturan keselamatan diberi tempoh untuk mempertingkatkan aspek itu atau diarah menghentikan operasi jika terus mengabaikannya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi memastikan tragedi menimpa pusat tahfiz Darul Quran Itifaqiyah di Kampung Datuk Keramat, di ibu negara minggu lalu, tidak berulang.

Katanya, Kabinet semalam memutuskan Jabatan Bomba dan Pe-

nyelamat memeriksa semua pusat tahfiz di seluruh negara untuk memastikan keselamatan pusat itu mencapai piawai ditetapkan.

Tak boleh kompromi

“Ini semua berkait dengan soal keselamatan anak kita yang berada di pusat berkenaan. Kita tidak boleh kompromi dengan perkara ini. Perkara ini lebih mendesak.

“Ia (isu keselamatan pusat tahfiz) seperti bom jangka, tidak boleh dipandang ringan. Ini nyawa anak-anak, bukan soal kuasa kerajaan negeri atau Persekutuan sahaja.

“Ini soal kebajikan dan keselamatan, nyawa anak-anak yang perlu kita pertahan dan jaga sebaik-baiknya. Ini soal masa depan,” katanya ketika berucap pada sambutan Ma-

al Hijrah 1439 di Masjid Wilayah Persekutuan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Timbalannya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Pada majlis terbabit, Perdana Menteri turut menyampaikan Tokoh Maal Hijrah 1439 Peringkat Kebangsaan kepada bekas Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai, 87.

Tragedi terus hantui PM

Beliau menerima wang tunai RM100,000; pingat dan sijil penghargaan.

Najib berkata, tragedi terbaharu menimpa pusat tahfiz terus menghantui fikiran beliau dan mahu

semua pihak bersama-sama menagati masalah berkaitan keruntuhan moral masyarakat yang semakin membimbangkan.

Sementara itu, Najib berkata, kesatuan dan perpaduan adalah aset serta azimat untuk merencana strategi dalam membina negara bangsa berjati diri serta berjaya. Katanya, dengan kesatuan, khususnya dalam kalangan umat Islam dan rakyat negara ini, Malaysia bebas daripada belenggu penjajahan dan mencapai kemerdekaan.

Penyatuan dan permuafakatan juga katanya, bukan sahaja membawa rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan, bahkan kini rancang merintis jalan kemakmuran menuju ambang negara maju dan berpendapatan tinggi.

WAKTU SOLAT

IBADAT & FADILAT

Saidina Umar bin Al-Khattab RA berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Amalan seseorang (ditentukan) dengan niat. Dan bagi setiap individu mendapat apa yang dia niatkan. Maka sesiapa yang hijrahnya adalah disebabkan Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang berhijrah untuk memperoleh dunia atau menikahi wanita, maka hijrahnya adalah apa yang dia niatkan.” (HR Bukhari dan Muslim)

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	5:52	1:13	4:23	7:15	8:24
Alor Setar	5:51	1:13	4:22	7:15	8:24
P. Pinang	5:52	1:13	4:22	7:15	8:24
Ipoh	5:50	1:11	4:18	7:13	8:22
Kuala Lumpur	5:47	1:08	4:14	7:11	8:19
Shah Alam	5:47	1:08	4:14	7:11	8:19
Johor Bahru	5:39	1:00	4:02	7:02	8:11
Kuantan	5:40	1:01	4:05	7:05	8:12
Seremban	5:46	1:07	4:11	7:09	8:18
Bandar Melaka	5:45	1:06	4:10	7:08	8:17
Kota Bharu	5:49	1:06	4:15	7:08	8:13
K. Terengganu	5:41	1:02	4:10	7:04	8:13

PILIHAN TERTINGGI

BH ONLINE

- ➔ Vida cadang bawa mangsa kebakaran tunai umrah
- ➔ Suspek bakar tahfiz dibawa ke lokasi
- ➔ Tahfiz Suspek tak boleh dijatuhkan hukuman mati
- ➔ KRIM mula ditutup sejak Isnin
- ➔ 3 bekas MB bergabung rampas kembali Selangor